

**KEMALANGAN DI TAPAK BINA**

**LEE NYUK FONG**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**MEI 2007**

## ABSTRAK

Pekerja merupakan unsur terpenting dalam membangunkan industri pembinaan. Maka, keselamatan dan kesihatan golongan pekerja ini adalah mustahak untuk dititikberatkan. Walaupun pelbagai usaha telah dicadang dan dilaksanakan untuk mengurangkan kekerapan kemalangan yang berlaku di dalam tapak bina, keberkesanan usaha-usaha tersebut masih diragui. Hal ini adalah disebabkan oleh statistik yang dikemukakan oleh pihak berkuasa kebelakangan ini yang menunjukkan bahawa kadar kemalangan yang berlaku di tapak bina masih tidak mempunyai perubahan yang jelas dan nyata. Oleh itu, suatu kajian telah dijalankan untuk menganalisis kemalangan yang berlaku di dalam tapak bina. Dalam proses mendapatkan data-data untuk kajian ini, borang soal selidik telah disediakan dan dihantar kepada firma-firma kontraktor yang terpilih sebagai responden dalam kajian ini. Daripada hasil kajian ini, didapati bahawa dengan bertambahnya saiz firma kontraktor, kekerapan berlaku kemalangan berkurangan. Majoriti responden bersetuju bahawa pekerja berumur di antara 30 dan 34 adalah lebih banyak terlibat dalam kemalangan di tapak bina. Dengan pertambahan pengalaman bekerja bagi seseorang pekerja, kebarangkalian seseorang itu terlibat dalam kemalangan di tapak bina juga akan berkurangan. Jenis kemalangan yang paling kerap berlaku di tapak bina yang diperolehi daripada hasil kajian ini adalah terjatuh atau ditimpa bahan. Hampir semua responden bersetuju bahawa kecacatan anggota merupakan jenis kecederaan kekal yang paling kerap berlaku di tapak bina manakala jenis kemalangan sementara yang paling biasa didapati di tapak bina adalah cedera ringan. Bahagian badan yang paling banyak tercedera adalah tangan atau jari tangan. Agensi kemalangan yang paling banyak mengakibatkan kemalangan di tapak bina adalah peranca. Punca utama membawa kepada berlakunya kemalangan di tapak bina adalah kaedah kerja yang tidak selamat manakala kesan utama adalah kecederaan.

## **ABSTRACT**

Workers play the most important role in developing construction industry. As a result, workers' safety and health problem should not be overlooked. Although efforts had been carried out to reduce the frequency of the accidents that happen in the construction sites, the effectiveness of these efforts is still doubtful. This is because the recent statistic that produced by the authority implied that the efforts done did not show any obvious improvement. So, a research had been carried out to analyse the accidents that happen in the construction sites. In the process of collecting data for this research, a set of questionnaire had been prepared and sent to the contractor firms which were selected as the respondents of this research. From the research, it shows that the frequency of the accidents reduce with the increasing of the company size. Majority of the respondents agreed that the workers at the age between 30 and 34 involved the most in the accidents that happen on sites. The involvement of the workers in the accidents decrease with the increasing of the working experience among them. The type of the accidents that happened the most in the construction sites is falls or being struck by falling objects. Almost all of the respondents agreed that life-long injury that happened the most is handicap whereas cut or other light injure as the temporary injury that happen the most in construction sites. The part of the body injured the most is hand or finger nails. The main agency of the accidents that bring to the occurrence of the accidents is scaffolding. The main cause of most of the accidents that happened on sites is the unsafe working procedure whereas the main effect of the accidents is injury.